



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR  
JALAN TUN ABDUL RAZAK  
80604, JOHOR BAHRU  
JOHOR DARUL TA'ZIM



Telefon : 07-231 0000  
Pengarah : 07-231 0198  
Timbalan : 07-231 0191  
Faks : 07-234 7132  
Laman Web : [www.jpjohor.moe.gov.my](http://www.jpjohor.moe.gov.my)  
E-mel : [jpn.johor@moe.gov.my](mailto:jpn.johor@moe.gov.my)

Ruj. Kami : JPNJ.PKHD(26)/500-1/17 ( 31 )  
Tarikh : 13 Disember 2016

**Semua Ketua Sektor  
Jabatan Pendidikan Negeri Johor**

**Semua Pegawai Pendidikan Daerah  
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Johor**

**Semua Pengetua/ Guru Besar  
Sekolah Menengah/ Rendah Negeri Johor  
(Termasuk Sekolah Menengah PTJ Negeri Johor)**

Tuan,

## **TATACARA URUSAN PERMOHONAN KELULUSAN KELUAR NEGARA DAN PERMOHONAN CUTI BAGI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR**

Saya dengan segala hormatnya ingin menarik perhatian tuan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana pihak tuan sedia maklum, di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2004 dan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2013, semua Pegawai Perkhidmatan Awam termasuk lantikan bertaraf kontrak atau sementara perlu mendapatkan kebenaran daripada Ketua Jabatan untuk keluar Negara atas urusan persendirian. Pemerhatian mendapati terdapat banyak permohonan yang dikemukakan menggunakan borang yang salah dan pudar (dibuat salinan berkali-kali).

3. Sehubungan itu, pihak Jabatan telah menetapkan bahawa berkuatkuasa 1 Januari 2017 semua permohonan berkaitan urusan perkhidmatan yang menggunakan borang termasuklah urusan keluar Negara perlulah dimuat turun daripada portal jabatan di [www.jpjohor.moe.gov.my](http://www.jpjohor.moe.gov.my). Seperti di Lampiran 1, Lampiran 2 dan Lampiran 3. Permohonan yang dikemukakan tidak menggunakan borang tersebut tidak akan diterima dan dikembalikan serta-merta.



4. Sukacita diingatkan bahawa semua permohonan lawatan keluar Negara atas urusan persendirian perlu dikemukakan hanya dalam 1 salinan ke Unit Perjawatan dan Perkhidmatan, Jabatan Pendidikan Negeri Johor **sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh pegawai meninggalkan Negara**. Permohonan yang diterima tidak lengkap atau lewat dari tempoh berkenaan akan **dikembalikan dan tidak akan diproses** tanpa sebarang rayuan. Sekiranya pegawai tetap meneruskan perjalanan, pihak kerajaan tidak akan bertanggungjawab terhadap perlindungan insurans kesihatan pegawai berkenaan sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini sepanjang berada diluar Negara. Tindakan tatatertib boleh dikenakan terhadap pegawai yang keluar Negara tanpa kebenaran Ketua Jabatan dan perbuatan pegawai boleh diertikan sebagai ingkar perintah iaitu melanggar Peraturan 4(2)(i), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

5. Pegawai Pendidikan Daerah dan Pengetua/Guru Besar perlu memastikan Cuti Rehat Khas / Cuti Rehat / Cuti Tanpa Gaji telah diluluskan dan mengikut peraturan yang sedia ada. Salinan kelulusan cuti HRMIS wajib disertakan bagi permohonan yang melibatkan Cuti Rehat. Tuan diminta untuk menasihatkan pegawai agar merancang pergerakan mereka dan sebolehnya tidak melibatkan sesi persekolahan. Bersama-sama ini dikepilkan :

- 5.1 Borang Permohonan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian – **Lampiran 1**
- 5.2 Borang Pengisytiharan Perjalanan Pegawai Awam Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian (Hanya Ke Singapura) – **Lampiran 2**
- 5.3 Borang Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan Ke Luar Negara Atas Urusan Persendirian – **Lampiran 3**

6. Bagi memastikan tatacara permohonan keluar Negara dan urusan cuti dilaksanakan dengan lebih teratur dan mematuhi peraturan yang berkuatkuasa, pihak jabatan memutuskan segala permohonan perlulah mematuhi tempoh permohonan seperti di **Lampiran 4**.




7. Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“SEHATI SEJIWA”**  
**”BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(HAJI SHAHARUDIN BIN SHARIF)**  
Pengarah Pendidikan Negeri Johor  
Jabatan Pendidikan Negeri Johor